

Kemas urusan, laksana lebih program

Faedah yang boleh dinikmati badan Melayu/Islam susuli tambahan geran pepadanan kepada MMCDF

▶ **ADLI YASHIR KUCHIT**
adli@sph.com.sg dan
▶ **ERVINA MOHD JAMIL**
ervina@sph.com.sg

TAMBAHAN geran pepadanan kepada Dana Pembangunan Masyarakat Melayu/Islam (MMCDF) boleh membantu badan-badan setempat melaksanakan lebih banyak program demi meningkatkan pencapaian masyarakat Melayu/Islam.

Dana itu juga boleh membantu badan-badan mempertingkatkan keupayaan pentadbiran serta keberkesanan pertubuhan masing-masing.

Demikian reaksi beberapa pemimpin pertubuhan Melayu/Islam setempat mengenai pengumuman Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwah Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, berhubung peningkatan geran pemerintah kepada MMCDF.

Dengan adanya tambahan geran pepadanan oleh pemerintah, MMCDF mulai tahun depan akan berjumlah \$2.6 juta setahun – lebih seganda daripada jumlah asal \$1 juta setahun.

Jumlah itu merangkumi tambahan geran \$1 juta setahun; dan 20 peratus atau

\$600,000 akan disalurkan daripada geran pepadanan yang asalnya diberikan kepada Yayasan Mendaki dan Angkatan Karyawan Islam (AMP)

Mengulas tentang pengumuman tersebut, Ketua Eksekutif Yayasan Mendaki, Cik Moliyah Hashim, berkata langkah itu menunjukkan pemerintah mengotakan janjinya.

“Perdana Menteri dalam Rapat Hari Kebangsaan mengumumkan kompak sosial yang baru dengan pemerintah mempertingkatkan usaha membantu rakyat. Ini satu contoh beliau mengotakan janjinya,” kata Cik Moliyah.

Beliau juga memerhatikan di bawah rangka baru, geran pepadanan yang diperuntukkan bagi Yayasan Mendaki akan dikurangkan sebanyak \$400,000.

Dana pepadanan bagi Angkatan Karyawan Islam (AMP) pula dikurangkan sebanyak \$200,000.

Namun, Cik Moliyah berkata beliau tidak bimbang kerana dana tersebut disalurkan kepada sebuah dana umum dan Mendaki masih berupaya memanfaatkannya.

Memandang ke depan, beliau berkata cabaran bagi badan-badan Melayu Islam ialah membuat perancangan sewajarnya demi

memanfaatkan sepenuhnya geran yang ditawarkan.

Mendaki, menurut Cik Moliyah, akan membentangkan panduan yang lebih jelas dan mempermudah proses permohonan bagi mendapatkan geran tersebut.

“Kami akan menarik penyertaan badan-badan Melayu agar panduan baru bagi menggunakan MMCDF lebih segar, mudah dan relevan mengikut konteks masa kini,” katanya.

MMCDF ditubuh pada 1991 untuk menyediakan dana bagi program yang menyokong objektif misi Mendaki dan yang boleh membuat perbezaan kepada kemajuan masyarakat Melayu/Islam.

Di bawah skim itu, pemerintah akan memadankan dana yang dikumpul mereka sehingga \$1 juta setahun.

Sebelum ini, hanya anggota kerabat Mendaki layak memanfaatkan dana tersebut, namun dikehendaki membuat permohonan menerusi Mendaki.

Kini skim itu telah diperluas kepada badan-badan baru yang ditubuhkan selepas Mendaki diwujudkan serta badan-badan bukan anggota kerabat Mendaki, kata Cik Moliyah.

“Mendaki juga sedia membantu badan-badan mencari cara terbaik mengumpul dana agar mereka dapat memanfaatkan dana pepadanan yang ditawarkan MMCDF,” tambahnya.

Antara pemimpin yang mengalu-alukan tambahan geran itu ialah Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Haji Abdul Razak Maricar.

Beliau berpendapat badan-badan Melayu/Islam setempat boleh memanfaatkan dana itu untuk mempertingkatkan keupayaan pentadbiran masing-masing.

AMP dalam kenyataannya semalam turut mengalu-alukan pengumuman tersebut dan menganggap peluasan skop MMCDF akan menggalak badan-badan mempertingkatkan pentadbiran dan pengurusan mereka.

Presiden Taman Bacaan, Encik Abdul Halim Kader, pula menyifatkan langkah menambah geran bagi badan Melayu/Islam itu sebagai satu pembaharuan yang besar dan tidak disangkakan.

Beliau berkata: “Sudah tentu ia akan membantu badan Melayu/Islam setempat. Bukan sahaja untuk melancarkan program, malah mereka juga boleh memikirkan cara menggunakan geran tambahan itu untuk

mendapatkan lebih ramai pekerja tetap yang boleh memberi tumpuan penuh bagi mengendalikan badan tersebut, lantas memperkukuh badan itu secara keseluruhan.”

Presiden Persatuan Bertindak Ginjal bagi Masyarakat Islam (MKAC), Encik Ameer Ali Abdeali, pula melahirkan rasa gembira dana itu diperluaskan kepada lebih banyak badan setempat.

“Dengan adanya lebih banyak saluran sumber, kami boleh menyalurkan tenaga dan masa daripada usaha mengumpul dana kepada memperkukuh program dan memberi manfaat kepada masyarakat,” ujar beliau.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS), Cik Maznah Masop, berkata: “Ia membuka ruang untuk menampung lebih banyak program sosial kami, selain digunakan bagi menjalankan pelbagai program untuk melatih dan membina keupayaan kakitangan... ini dapat mengukuhkan lagi PPIS dari segi mutu pekerjaan dan kecakapan.”

Komitmen AMP untuk berbakti tidak akan berkurangan

– Muka 2